

DU85

U B079 AAB  
MAHATHIR - SAHAM

PASIR GUDANG, 6 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI BERKATA AGENSI-AGENCI KERAJAAN YANG AKAN DISWASTAKAN DIMESTIKAN MEMPERUNTUKAN LIMA PERATUS DARIPADA KESELURUHAN SAHAM AGENSI BERKENAAN KEPADA PEKERJA MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, DASAR ITU DIBUAT KERANA KERAJAAN TIDAK MAHU WUJUDNYA +KELAS+ ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA PERMUSUHAN YANG MUNGKIN BERLAKU AKIBAT KEADAAN ITU HANYA AKAN MERUGIKAN KEDUA-DUA PIHAK.

MENURUTNYA, SAHAM-SAHAM AGENSI ITU AKAN DITAWARKAN PADA HARGA PERMULAAN PASARAN, DAN IA SEOLAH-OLAH +HADIAH+ KEPADA PEKERJA KERANA LAZIMNYA PASARAN BERKENAAN AKAN SEGERA NAIK BERBANDING DENGAN HARGA PERMULAAN.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN RAKYAT DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, BAGAIMANAPUN PEKERJA TERPAKSA MEMBAYAR ANTARA SATU DAN DUA KALI GANDA DARIPADA HARGA SAHAM ASAL SEKIRANYA MEREKA MAHU MEMBELI SAHAM TAMBAHAN DALAM AGENSI TERBABIT.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN JUGA AKAN MEMASTIKAN SETIAP PEKERJA SESEBUAH AGENSI YANG DISWASTAKAN ITU AKAN MENIKMATI GAJI SERTA ELAUN PADA KADAR YANG LEBIH BAIK DARIPADA YANG MEREKA TERIMA SEMASA AGENSI ITU BELUM DISWASTAKAN. -- LAGI

1907MST 06 07 90

DD95

U B085 AAB  
MAHATHIR - SAHAM 2 PASIR GUDANG

MENURUTNYA, KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENSWASTAKAN BEBERAPA BUAH AGENSI AWAM LAGI TERMASUK LEMBAGA LETRIK NEGARA (LLN), PELABUHAN KLANG DAN PASIR GUDANG.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT AGAR TIDAK TERPENGARUH DENGAN DAKYAH GOLONGAN PENENTANG KERAJAAN YANG MENGGUNAKAN ISU-ISU SEPERTI KADAR RINGGIT YANG RENDAH BERBANDING DENGAN DOLAR SINGAPURA UNTUK MEMPENGARUHI RAKYAT JOHOR MENENTANG KERAJAAN.

MENURUTNYA, KADAR RINGGIT YANG RENDAH ITULAH YANG TELAH MENYEBABKAN BARANGAN UTAMA NEGARA SEPERTI TIMAH DAN GETAH BERJAYA DIJUAL DI PASARAN ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BARANGAN-BARANGAN UTAMA ITU TIDAK MUNGKIN DAPAT MENYAINGI BARANGAN YANG SERUPA DARI NEGARA-NEGARA LAIN JIKA KADAR RINGGIT ADALAH TINGGI.

BELIAU JUGA BERKATA, DASAR KERAJAAN YANG MENGGALAKKAN KEMASUKAN PELABUR ASING BERTUJUAN MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PEKERJAAN, DAN JIKA SEMUA ORANG MEMPUNYAI PEKERJAAN, GAJI MEREKA BOLEH MENINGKAT KERANA TELAH ADA PERSAINGAN UNTUK MENDAPATKAN PEKERJA, SEPERTI YANG BERLAKU DI SINGAPURA. -- LAGI

1925MST 06 07 90

0097

U B087 AAB  
MAHATHIR - SAHAM 3 PASIR GUDANG

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU AGAR RAKYAT MENUNJUKKAN MINAT YANG MENDALAM TERHADAP PEKERJAAN SUPAYA DENGAN CARA DEMIKIAN PENGANGGURAN BOLEH DIATASI, DAN RAKYAT BOLEH MENIKMATI TARAF KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK.

KATANYA, MALAYSIA MENDUDUKI TEMPAT KELIMA DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN DI KALANGAN 130 NEGARA DUNIA KETIGA, SELEPAS KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN SINGAPURA.

KEDUDUKAN ITU JELAS MENGGAMBARAKAN KESUNGGUHAN KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN PENGHIDUPAN YANG TERBAIK UNTUK RAKYATNYA, TAMBAH BELIAU.

KETIKA DITANYA MENGENAI GAGASAN SEGI TIGA EKONOMI ANTARA JOHOR, BATAM (INDONESIA) DAN SINGAPURA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU SUDAH BERBINCANG DENGAN PRESIDEN SUHARTO DARI INDOENSIA, YANG JUGA BERSETUJU DENGAN CADANGAN TERSEBUT.

PERKARA ITU, KATANYA, BERKAIT RAPAT DENGAN HUBUNGAN BAIK ANTARA KETIGA-TIGA NEGARA BERKENAAN, DAN BELIAU BERPENDAPAT KONSEP ITU ADALAH SATU DARIPADA RANCANGAN KE ARAH MEMPERKEMBANGKAN LAGI EKONOMI NEGERI JOHOR.

MENGENAI CADANGAN UNTUK MEMBINA LALUAN KEDUA ANTARA SINGAPURA DAN JOHOR, PERDANA MENTERI BERKATA, SYARIKAT UNITED ENGINEERS MALAYSIA (UEM) TELAHPUN MENGEMUKAKAN LAPORAN KEPADA UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI, YANG AKAN MENGEMUKAKAN CADANGAN DAN LAPORAN KEPADA KABINET UNTUK PERAKUAN SETELAH IA SELESAI MEMBUAT KAJIAN MENDALAM MENGENAINYA.

PERDANA MENTERI ADALAH DALAM RANGKA LAWATAN SEHARI KE NEGERI JOHOR. -- BERNAMA  
1929MST 06 07 90